

07/02/1997

Belia sokong program kerahan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin politik dan belia di negara ini meminta kerajaan melaksanakan segera program kerahan tenaga bagi pelajar lepasan sekolah untuk mengurangkan gejala sosial yang semakin meruncing khususnya di kalangan belia Melayu.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Prof Madya Dr Muhammad Nur Manuty, berkata Abim mengalu-alukan cadangan itu dan berharap ia dilaksanakan segera secara berterusan.

Katanya, program itu dapat mendisiplin dan membentuk jatidiri belia, selain menjadi pedoman menghadapi kehidupan yang mencabar.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan cadangan itu selepas menghadiri Perjumpaan Khas Mengenai Masalah Sosial Di Kalangan Umat Islam di Pusat Islam yang turut dihadiri beberapa menteri kabinet beragama Islam.

Perdana Menteri berkata program yang menerapkan disiplin ala-tentera untuk semua lepasan sekolah adalah antara cadangan yang akan dikaji oleh kerajaan selain penilaian keberkesanan sistem pendidikan Islam di sekolah.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Suhaimi Ibrahim, berkata pergerakan itu sedia bekerjasama untuk melaksanakan program itu.

"Kami berharap dapat menganggotai jawatankuasa pelaksana bagi membantu menjayakan program itu," katanya.

Presiden Gerakan Belia 4B, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata setiap lepasan sekolah wajar diwajibkan mengikuti program latihan ala-tentera tanpa senjata bagi membentuk ketahanan mental dan disiplin diri sebelum mula bekerja.

Naib Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan, Datuk Lee Lam Thye, berpendapat program itu berkesan dalam menyemai disiplin di kalangan belia dan melindungi mereka daripada gejala negatif.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu menimbang dengan teliti jenis kerahan tenaga itu sama ada dalam bentuk ketenteraan atas sebab keselamatan atau khidmat sosial yang tertumpu terhadap kebajikan masyarakat," katanya.

Di BUTTERWORTH, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd Sharif Omar, berkata cadangan itu wajar berikutan meningkatnya pembabitan belia Melayu dalam gejala sosial.

"Kerajaan negeri memandang serius gejala itu dan berharap cadangan positif itu diterima ibu bapa dan pertubuhan belia untuk dilaksanakan segera," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri, Ahmad Said, berkata, program itu dapat membentuk ketahanan diri belia di samping menyemai semangat kesetiaan berterusan kepada negara serta mendisiplin diri.

Katanya, ahli pergerakan itu sedia memikul tanggungjawab menjayakan program itu di negeri ini.

"Cadangan itu bukan sahaja memerlukan kesungguhan kerajaan untuk melaksanakannya tetapi semua pihak termasuk pemimpin pertubuhan bukan kerajaan dan ibu bapa perlu berganding tenaga," katanya.

(END)